



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Pembekal adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF)** dalam kod bidang yang berkaitan dan kriteria berkaitan seperti berikut:

KETERANGAN TAWARAN :

NO. SEBUT HARGA	TAJUK
S002B/2024	SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN (MAINTENANCE) TERMASUK PENAMBAHBAIKAN MODUL SEDIA ADA BAGI SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT KEWANGAN KOPERASI (SPMKK)

JENIS TAWARAN : Terbuka

KOD BIDANG :

210104 *Software/System development/Customization and maintenance including data entry, data processing*

TARIKH MULA TAWARAN : 20/05/2024 (Isnin)

TARIKH TUTUP TAWARAN : 27/05/2024 (Isnin)

TEMPOH SAH LAKU : 90 hari

LOKALITI LOKASI (NEGERI) : Selangor, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya

HARGA DOKUMEN (SOFT COPY) : RM10.00 (Melalui Sistem Tenderwizard)

2. Hanya penyebut harga yang telah berdaftar **SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)** dengan pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) dalam Sistem Tenderwizard sahaja yang layak menyertai Sebut Harga ini. Pendaftaran sebagai pembekal dengan pihak Suruhanjaya boleh dilakukan secara dalam talian (online) www.tenderwizard.my/SKM (klik pada ruangan 'Register' untuk pendaftaran baru).

NO. SEBUT HARGA : S002B/2024

3. Semua penyebut harga akan dikenakan Yuran Pendaftaran sebanyak **RM200.00** yang perlu dibayar kepada pihak pembekal sistem. Akaun akses ini hanya akan diaktifkan selepas penyebut harga melengkapkan permohonan secara *online* dan menjelaskan Yuran Pendaftaran. Pembayaran yuran pendaftaran boleh dibuat dengan menggunakan kemudahan kad kredit atau FPX (*online banking*) secara online. Yuran Pendaftaran ini adalah sah untuk tempoh satu tahun sahaja dan perlu diperbaharui untuk tahun berikutnya.
4. Dokumen Sebut Harga ini akan mula tersedia untuk dimuat turun **MULAI 20 MEI 2024 (ISNIN)** secara dalam talian melalui laman sesawang www.tenderwizard.my/SKM. Manakala tarikh tutup sebut harga ini adalah pada **27 MEI 2024 (ISNIN), jam 12.00 tengah hari**. Tawaran yang lewat diterima dari masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan **WAJIB** dikunci masuk (key-in) ke dalam sistem secara dalam talian melalui laman sesawang www.tenderwizard.my/SKM.
6. Sebarang pertanyaan berkaitan sebut harga ini boleh dirujuk ke alamat berikut:

**Unit Perolehan
Bahagian Kewangan**
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Aras 10, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan, 50490 Kuala Lumpur
Puan Norshuhadah binti Abd Malik – 03 20834043 / norshuhadah@skm.gov.my
Puan Nur Aqilah binti Mohd Ali – 0320834000 smbg 4582 / nuraqilah@skm.gov.my
Puan Nor Fadlin binti Ahmad – 03 20834000 smbg 4584 / norfadlin@skm.gov.my

7. Sebarang pertanyaan berkaitan penggunaan Sistem Perolehan Dalam Talian (Sistem Tenderwizard) boleh dirujuk ke pegawai berikut:

Century Software (M) Sdn. Bhd.
Wholly owned by Censof Holdings Berhad
(formerly known as Century Software Holdings Berhad)
A-8, Block A, Level 8, Sunway PJ @ 51A, Jalan SS9a/19
Seri Setia 47300 Selangor
03 79627870 / 7947 / 7957 / 7819 / 7866 / 7831 / support@tenderpintar.com

8. Penyebut harga hendaklah mengambil maklum berkenaan **fi perkhidmatan** sebanyak **0.8%** bagi setiap transaksi yang dijana melalui Sistem Tenderwizard SKM yang **dikenakan oleh pihak Century Software (M) Sdn. Bhd.** kepada penyebut harga yang berjaya, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta. **8% cukai perkhidmatan** dari fi perkhidmatan tenderwizard juga akan dikenakan.